

## Kenyataan oleh Hamdan Abdul Majeed, Pengarah Urusan Think City berkenaan Belanjawan 2023 Malaysia MADANI

**KUALA LUMPUR, 24 Februari 2023**– Hamdan Abdul Majeed, Pengarah Urusan Think City, mengalukan pengumuman yang dibuat oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim, merangkap Menteri Kewangan serta kerajaan Malaysia kerana memberi mandat kepada Think City dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), untuk memaknakan semula kehidupan di Pusat Bandar Kuala Lumpur melalui projek pengindahan lokasi tumpuan serta mengangkat potensi aset bersejera dan kebudayaan agar Daerah Kreatif dan Kebudayaan dapat direalisasikan. Peruntukan tersebut juga disediakan antaranya untuk meningkatkan daya huni perumahan awam.

Kawasan Pusat Bandar Kuala Lumpur telah lama menjadi tumpuan dalam usaha-usaha oleh Think City kerana ruang geografinya yang strategik sebagai satu titik tumpuan berpotensi besar yang banyak belum diterokai. Terutamanya, teras sejarahnya yang kaya dengan aset budaya ketara dan tidak ketara, namun kurang rancak kerana kebanyakannya pusat pentadbiran dan penduduk telah berpindah ke pinggir bandar. Justeru, Think City bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), dengan sokongan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Jabatan Warisan Negara dan Yayasan Hasanah, telah memulakan usaha meremajakan semula bandar raya ini berdasarkan saranan strategik Pelan Induk Strategik Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur.

Mengambil iktibar dari bandar-bandar kreatif dan budaya lain dari seluruh dunia, daerah kreatif dan budaya menggalakkan keterlibatan orang ramai dalam kesaksamaan sosial, berkongsi manfaat dan memberi sumbangan besar kepada ekonomi negara.

Peruntukan hari ini adalah simbolik, sebagai sebuah kebangkitan semula kebanggaan negara, mencetus aspirasi, yang akan membina momentum pertumbuhan Malaysia MADANI dan membangun semula dengan lebih baik untuk Malaysia. Penjanaan semula Pusat Bandar Kuala Lumpur sebagai sebuah destinasi kreatif dan budaya (menggabungkan aset warisan, tarikan budaya dan perusahaan kreatif), akan dipertingkatkan lagi melalui pemeliharaan dan peremajaan Presint Warisan Dataran Merdeka.

Peruntukan RM 30 juta ini akan mencepatkan transformasi Pusat Bandar Kuala Lumpur, menarik pengunjung tempatan dan antarabangsa ke bandar, mewujudkan aktiviti ekonomi kreatif dan budaya serta merancakkan lagi suasana di bandar. Peruntukan itu juga akan digunakan untuk meningkatkan taraf hidup dan kebolehhidupan masyarakat miskin bandar di perumahan awam dengan memperkasakan mereka supaya dapat mempengaruhi tindakan kolektif dalam membentuk tempat kediaman mereka, melaksanakan program pembinaan kapasiti, meningkatkan kesedaran dan menyokong dasar yang lebih baik untuk perumahan awam yang mampan.

-TAMAT-

### Mengenai Think City

Think City adalah sebuah organisasi berimpak tinggi yang telah ditubuhkan pada tahun 2009. Ianya bertujuan menghasilkan pelestarian bandar yang lebih saksama demi faedah semua. Kemahiran, ilmu dan strategi Think City tertumpu kepada solusi perbandaran, alam sekitar, komuniti sosial dan ekonomi budaya. Think City ialah anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad (Dana Kekayaan Berdaulat Kerajaan Malaysia). Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.thinkcity.com.my](http://www.thinkcity.com.my).

### Untuk maklumat lanjut, boleh hubungi

Izan Satrina Mohd Sallehuddin di 03 2022 1697 atau emel [izan.satrina@thinkcity.com.my](mailto:izan.satrina@thinkcity.com.my)